

MELAKAR SEMULA PETA *SIASI*, BERFIKIR DI LUAR KOTAK

Muqaddimah

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah yang telah mengutuskan Rasul-Nya dengan petunjuk dan agama yang benar untuk mengatasi segala agama. Walaupun dibenci oleh orang musyrik.

Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.; penyudah segala nabi dan rasul, pemimpin pendakwah dan mujahidin sepanjang zaman yang datang kepada kita dengan hujjah yang nyata seolah-olah malam seperti siang (kerana sinarannya yang terang benderang). Tiada yang melencong daripadanya kecuali orang yang binasa. Dan selawat dan salam ke atas ahli keluarganya, sahabat-sahabat yang berjuang bersamanya menafkahkan segala yang mereka miliki untuk perjuangan agama Allah yang mulia dan ke atas mereka yang mengikut jejak langkah mereka hingga hari kiamat. *Wa ba'du*.

Yang saya kasihi Pengerusi Majlis

Yang saya muliakan ahli-ahli Jawatan Kuasa Pusat

Yang saya hormati kepimpinan negeri dan kawasan, ahli akademik, tokoh-tokoh dan ulama ISMA

Yang saya raikan dif-dif kehormat dan tamu-tamu jemputan serta para wartawan

Ahli-ahli ISMA yang datang dari seluruh negara membawa semangat dan pengharapan

Saya mengucapkan salam kepada kamu dengan salam Islam, Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saudara-saudari/ikhwah akhawat sidang hadirin sekalian,

Saya mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan semua ke persidangan Mesyuarat Agong Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) yang kesepuluh di dewan NIOSH, Bangi. Ini bermakna genap usia sepuluh tahun ISMA ditubuhkan dan ia melalui berbagai peristiwa yang bersejarah dan penting.

Marilah kita bersyukur kepada Allah s.w.t. yang telah memilih kita sebagai *jundun* (tentera) kepada agamanya, *nasirun* (penolong) kepada syariatnya, *daie* (pendakwah) kepada jalannya, *hamilun* (penjulung) panji-panji Nabi Muhammad s.a.w.. Marilah kita sama-sama meningkatkan keyakinan kepada risalah Islam yang kita bawa, berbangga dengan *intima`* kepadanya, bersiap siaga untuk berjuang di jalannya. Kita berjanji tiada yang lebih mulia di sisi kita selainnya, mengatasi anak isteri kita, harta kita, ibu bapa kita, perniagaan kita, dan rumah yang kita diami.

Allah berikan kami kebenaran kalimah. Golongkan kami bersama para nabi, para *shiddiqin* dan para *syuhada`*. Merekalah sebaik-baik teman perjalanan.

Marilah terlebih dahulu kita sama-sama menghayati semangat persaudaraan dan ukhuwwah Islam yang menjadi landasan perjuangan kita. Mari kita ucapkan sesama kita lafaz mahabbah yang diajar oleh Rasulullah s.a.w “*uhibbukum fillah*” (saya kasih awak kerana Allah), dan jawapannya “*ahabbakallah allazi ahbabtani fihi*” (Semoga Allah mengasihi kamu yang mengasihi saya kerana-Nya).

Mari kita kenang hadis Nabi s.a.w yang menyebut:

إِنَّ مِنْ عِبَادِ اللَّهِ لَأُنَاسًا مَا هُمْ بِأَنْبِيَاءَ وَلَا شُهَدَاءَ يَغْبِطُهُمُ الْأَنْبِيَاءُ
وَالشُّهَدَاءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِمَكَانِهِمْ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ
تُخْبِرُنَا مَنْ هُمْ قَالَ هُمْ قَوْمٌ تَحَابُّوا بِرُوحِ اللَّهِ عَلَى غَيْرِ أَرْحَامٍ
بَيْنَهُمْ وَلَا أَمْوَالٍ يَتَعَاطَوْنَهَا فَوَاللَّهِ إِنَّ وُجُوهَهُمْ لَنُورٌ وَإِنَّهُمْ عَلَى
نُورٍ لَا يَخَافُونَ إِذَا خَافَ النَّاسُ وَلَا يَحْزَنُونَ إِذَا حَزَنَ النَّاسُ وَقَرَأَ
هَذِهِ الْآيَةَ :

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

Sesungguhnya di kalangan hamba-hamba Allah, ada manusia yang bukan para Nabi dan bukan pula syuhada`, tetapi para Nabi dan syuhada` cemburu kepada mereka pada Hari Kiamat, kerana kedudukannya di sisi Allah Taala. Para Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, tuan beritahu kami siapakah mereka itu? Rasulullah menjawab: Mereka adalah kumpulan manusia yang saling berkasih sayang kerana Allah bukan kerana hubungan keluarga antara mereka dan bukan pula kerana harta yang saling mereka berikan. Demi Allah, sesungguhnya muka mereka bercahaya dan mereka berada di atas cahaya. Mereka tidak merasa takut ketika manusia merasa takut, tidak berdukacita ketika manusia lain berdukacita. Rasulullah pun membacakan ayat (bermaksud): “Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.” (Yunus: 62) (Riwayat Abu Dawud)

Mari kita kenang kata-kata al-Ustaz al-Murabbi al-Marhum ust Mustafa Masyhor:

طريق الدعوة طريق واحدة... سار عليها رسول الله وصحابته
من قبل، وسار الدعوة ونسير عليها بتوفيق من الله له من بعد:
إيمان وعمل ومحبة وإخاء.

Jalan dakwah adalah jalan yang satu... Rasulullah s.a.w. dan Sahabatnya telah menjalaninya sebelum ini. Para pendakwah dan kita juga berjalan di atas jalan ini selepas itu dengan taufiq Allah; jalan iman, amal, kasih sayang dan persaudaraan.

Perjuangan kita ini tertegak atas iman yang melahirkan amal, penyatuan hati yang melahirkan persaudaraan kerana Allah. Tanpa iman dan *ukhuwwah* segala perancangan yang kita atur akan menjadi timbunan kertas yang menyusahkan kita untuk menjaganya. Oleh itu pastikan iman kita sentiasa di tangga tertinggi dan peliharalah hubungan antara kita. Bajailah *ukhuwwah* dan sentiasa pupuk kasih sayang antara kita. Percayalah “aset hubungan hati menjadi modal penyelamat waktu krisis”.

Saudara-saudari/ikhwah akhawat sidang hadirin sekalian,

Dalam ucapan dasar presiden tahun lepas saya telah menyebut bahawa cintakan Islam (iman), *ukhuwwah* persaudaraan dan beberapa aset warisan masih lagi wujud dalam diri masyarakat kita. Saya tekankan bahawa itu semua merupakan landasan tempat berpijak dakwah kita. Di situ kita bermula...

Apabila kita menyeru kepada Islam bererti kita mengajak kepada kesatuan umat, memperkasakan keIslaman mereka dan membentuk daripada mereka satu kekuatan *bargain power* dalam tawar-menawar politik. Kita yakin *syaukah* muslimin tidak akan terbentuk dan menjadi kuat jika sekiranya mereka tidak kembali kepada Islam, keliru identiti, terpesona gaya hidup liar, hanyut dilalaikan oleh permainan musuh dan terpedaya dengan slogan-slogan dan tipu muslihat mereka.

Tahun 1997-2000 adalah tahun penting di mana orang Melayu Islam menilai kembali agenda mereka. Iaitu setelah 30 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan. Pada tahun itulah ISMA ditubuhkan untuk menjadi medan amal kepada golongan menengah Melayu. Sempena itu ia bukan muncul begitu sahaja, tetapi membawa seruan agar menilai kembali manhaj perubahan yang sedia ada, apatah lagi setelah terbukti ianya gagal mencapai sasaran dan timbul perasaan kecewa di kalangan pemimpin tertinggi Melayu.

Persoalannya bukan sekadar kita hendak *maintain* atau mengekal kekuasaan, tetapi memastikan agenda umat berjaya. Bukan sekadar seruan untuk menilai dan mengkaji semula, ISMA juga menyeru supaya landasan yang sedia ada di perbetulkan. Kita menyatakan perubahan sepatutnya berasaskan kepada perubahan insan Melayu muslim secara menyeluruh berasaskan Islam, bukan sekadar aspek kebendaan semata-mata. Kita juga menarik perhatian semua pihak supaya membuka minda masing-masing untuk melihat Islam

secara menyeluruh sebagai agenda pembangunan bangsa bukan sekadar penegakan hukum semata-mata.

Selain itu kita fahamkan juga bahawa sekadar seminar, kenyataan akhbar dan sebagainya tidak akan merubah keadaan yang sebenar tanpa kita turun medan berdakwah, mengumpul dan mendidik...

Pada tahun ini saya berhasrat untuk maju selangkah ke hadapan. Dalam ucapan ini saya akan mengemukakan pandangan mengenai **bagaimana idea perubahan kita membentuk cara fikir dan cara kerja kita yang tersendiri**. Saya faham bahawa ucapan kita ini tidak akan sampai kepada semua orang, tetapi yang penting bagi saya ialah ahli ISMA sendiri. Mereka harus faham dan boleh menjelaskannya kepada orang lain bagaimana kita merangka dan melaksanakan idea kita.

Memang senang bagi ISMA jika ia mahu mengambil jalan mudah dengan meniru sahaja apa yang orang lain buat, membuat keputusan senang menyertai mana-mana blok, kiri atau kanan, kemudian bergerak mengikut rentak yang sedia ada, didorong oleh desakan-desakan semasa tanpa peduli apakah kita sudah maju ke depan atau masih berputar pada putaran yang sama, “pi mai pi mai tang ju”.

ISMA membuat keputusan untuk memilih jalan yang lebih sukar dan membuat anjakan untuk berfikir di luar kotak. Inilah yang akan menjadi tema ucapan dasar presiden pada tahun ini, iaitu “Ke arah Menyusun Semula Lakaran Peta *Siasi* Dan Berfikir di luar Kotak”.

Saudara-saudari/ikhwah akhawat sidang hadirin sekalian,

Tahun 2006 berlalu dengan berbagai kisah pilu lagi menyedihkan yang dihadapi oleh umat Islam dalam dan luar negara. Tahun 2006 ditutup dengan korban demokrasi Amerika yang menggantung Saddam Hussin, bekas Presiden Iraq pada Hari Raya Eidul Adha. Satu peristiwa yang memulu dan memalukan. Penghinaan untuk mematikan perasaan *ghirah* muslimin terhadap maruah dan kehormatan mereka. Kalau Saddam bersalah biarlah umat Islam sendiri yang menguruskan kesalahannya.

Izinkan saya untuk mulakan bicara dengan isu umat Islam dan siasah antarabangsa yang diketuai oleh Amerika, yang dikontrol oleh Zionis dan dimandatkan oleh Barat.

Terus Terang

Hakikatnya dalam perjuangan ini, kita sememangnya berhadapan dengan pilihan yang amat sukar, sama ada:

1. Menjadi anggota masyarakat antarabangsa yang tunduk kepada penguasaan penuh Barat walaupun akhirnya akan mengorbankan saki baki keIslaman dan ketimuran kita, atau
2. Menyemat niat dan tekad untuk memelihara keaslian *intima`*, dan melaksanakan kewajiban *Rabbani* untuk menggaris semula peta *siasi* berasas *siasah syar'iyah*, mengembalikan *syaukah al-muslimin* dan mengukuhkannya.

Dua pilihan yang sangat bertentangan. Kesusahan bukan sahaja dalam membuat pilihan tetapi lebih susah memastikan kesudahan menjamin masa

depan. Pilihan yang pertama membawa risiko membunuh diri dengan tangan sendiri (melebur identiti) dan pilihan yang kedua risikonya kita terpaksa bekerja keras berlawan dengan musuh yang tidak setara.

Sebagai seorang muslim yang yakin dengan janji Tuhan (kemenangan yang pasti) kita memilih untuk tidak menyerah kalah. Kita memilih jalan perjuangan dan mempersiapkan diri untuk perjalanan yang panjang. Itulah pilihan iman...pilihan *ar-rujulah*...namun di manakah umat dari pilihan ini, di manakah pemimpin kita dari pilihan ini? Atau kebendaan, kemewahan dan kuasa telah menidurkan mereka semua...?

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَاتَّبَعُوكَ وَلَكِنْ بَعَدَتْ عَلَيْهِمُ الشُّقَّةُ

Kalaulah keberuntungan/kemenangan itu hampir dan perjalanan itu dekat nescaya mereka akan mengikuti kamu, tetapi jarak perjalanan itu amat jauh terasa oleh mereka. (at-Taubah: 42)

Umat Islam yang sebenar adalah umat berjuang, umat *muqawim* (tidak menyerah kalah), *umat ar-rujulah* tetapi mereka telah bertukar menjadi jinak melalui proses penjinakan (*ghazwu al-fikri*) dan normalisasi. Mereka dimomokkan dengan *thaqafah at-taslim* dan *al-musalamah* (menyerah) tiada bantahan dan penentangan, terpedaya dengan kempen hidup liberal yang ditawarkan oleh demokrasi. Mereka mengisi hidup mereka dengan hiburan, berseronok, relaks, tidak mahu susah berfikir, memudah-mudahkan urusan, malas, manja, lembik, pondan dan sebagainya. Orang-orang ini akan menolak dan menentang apa-apa usaha perubahan kerana perubahan menyusahkan mereka, kecuali sesiapa yang dirahmati Tuhan di kalangan mereka.

Demikian realiti umat dan lihat pula kerakusan musuh!

Saudara-saudari/ikhwah akhawat sidang hadirin sekalian,

Kempen Demokrasi

Kempen demokrasi bermula semenjak Perang Dunia Pertama lagi. Kini ia telah berkembang di bawah sistem globalisasi *unilateral* dan sedang memasuki fasa baru iaitu perang antara tamadun (tamadun Islam dan tamadun Barat). Selepas kejatuhan Soviet Union dan tamatnya perang dingin, Islam telah ditabalkan sebagai musuh kepada demokrasi Barat. Ia bukan perkara baru tetapi merupakan penegasan semula dalam Dasar Luar dan Dasar Keselamatan Kebangsaan Amerika Syarikat.

Siasah antarabangsa hari ini tertegak atas *hegemoni* tamadun Barat Kristian yang diserap oleh pengaruh Zionis. Dunia Islam dikekang dengan perjanjian-perjanjian yang dipaksakan, undang-undang antarabangsa yang tidak adil, Majlis Keselamatan yang diberi mandat mengenakan tindakan sekatan ekonomi atau ketenteraan ke atas mana-mana negara yang derhaka mengikut telunjuk Amerika.

Peristiwa 11 September 2001 bagai dirancang. Bush mengambil kesempatan untuk mengisytiharkan perang salib (semangat yang tersembunyi di sebalik kempen demokrasi). Setelah mendapat bantahan umat Islam, perosak nombor satu dunia itu menukar istilah daripada perang salib kepada perang anti

keganasan untuk meringankan tekanan dan memecahkan perhatian umat Islam. Seperti biasa umat Islam kembali lega, dan merasakan dia bukan sasaran. Dengan ikhlas dan jujur pula mereka membantu Amerika membunuh umat Islam yang lain di sana sini... dia masih tidak sedar bahawa dia hanya menunggu giliran.

Atas dasar menyebarkan demokrasi, mereka boleh menjatuhkan kerajaan, masuk campur hal ehwal negara umat Islam dan membunuh ribuan manusia. Demokrasilah yang telah mengajar kita derhaka kepimpinan Islam (*khilafah*), membolos diri dari keaslian *intima`* kita kepada Islam, berpecah dari kesatuan Islam dan murtad terhadap nilai pegangan. Apa yang tidak boleh dipaksa dengan wasilah damai dipaksa dengan kekuatan tentera.

Inilah yang sedang kita saksikan di pentas dunia hari ini. Di bawah slogan kempen demokrasi dan kebebasan, umat Islam tertipu dan membawa campur tangan musuh dalam negara sendiri. Apabila mendapat peluang mereka pun datang membunuh sesiapa yang mereka kehendaki, melantik siapa yang mereka kehendaki dan mereka mengagih-agihkan harta mengikut cara yang mereka kehendaki. Umat Islam dilaga-lagakan sesama sendiri, jika ada yang terkorban, ia adalah perkara biasa, adat pertarungan. Umat Islam hanya perlu bertarung mengikut undang-undang permainan yang ditetapkan oleh mereka, dan mereka pula boleh mengubah undang-undang permainan mengikut kepentingan mereka.

Kita mengambil contoh apa yang berlaku di Iraq dan Palestin. Ia sama sahaja di negara-negara lain. Saya tidak perlu hurai panjang apa yang berlaku di Iraq, tetapi saya hanya ingin bertanya, adakah kempen demokrasi yang menjatuhkan Saddam dan rejimnya bertujuan untuk membawa kebaikan kepada rakyat Iraq? Atau satu kempen peluasan pengaruh tamadun Barat dan mengamankan sudut Israel? Jawapannya cukup jelas.

Bayangkan betapa mahalnya harga yang dibayar oleh rakyat Iraq untuk mengimport sebuah demokrasi yang tidak bermanfaat untuk mereka.

Sesetengah masyarakat Iraq mungkin masih boleh merasa lega, kerana kempen demokrasi Amerika sekurang-kurangnya menyelamatkan mereka dari kezaliman rejim Saddam...?

Mari kita lihat pula kempen demokrasi dalam konteks Palestin. Tidak ada rejim diktator yang hendak ditumbangkan di Palestin. Jadi apa pula motif kempen demokrasi di sana? Adakah ia untuk membawa kemajuan kepada rakyat Palestin?

Setelah pilihanraya dijalankan dengan telus dan HAMAS diberi mandat oleh rakyat Palestin untuk memegang tampuk kuasa, sepatutnya Amerika orang yang pertama mengucapkan *mabruk* kepada HAMAS, kerana demokrasi telah berjaya dilaksanakan dengan baik sekali. Tetapi apa yang berlaku sebaliknya, Amerika-Barat dan Zionis berkumpul menentang keputusan pilihanraya dan membuat keputusan membuat sekatan ekonomi yang menyeluruh.

Ini menunjukkan bahawa demokrasi hanyalah topeng, motif mereka yang sebenarnya ialah mengheret HAMAS ke pentas politik untuk memaksa mereka mengiktiraf Israel, menghentikan penentangan dan dan melucutkan senjata. Motif mereka yang sebenarnya ialah untuk kepentingan Israel. Demokrasi maknanya tunduk kepada Amerika dan bersedia menyembah Israel.

Saya ingin merakamkan pendirian bijak Ikhwan Muslimin Mesir sewaktu menghadapi keadaan yang sama di Mesir. Selepas Saddam berjaya digulingkan wujud keseimbangan kempen demokrasi Amerika itu akan berpindah ke Mesir pula. Hosni Mubarak berada dalam keadaan amat tertekan, Amerika mencari kuasa alternatif. Mata-mata melihat Ikhwan sebagai calon. Wartawan datang kepada Mursyidul Am dan bertanya adakah Ikhwan akan berhubung dengan Amerika? Mursyid menjawab tidak. Ikhwan tidak akan berhubung dengan Amerika kecuali setelah ia menjadi kerajaan atau melalui Kementerian Luar Mesir. Adapun bekerjasama dengan musuh, terpengaruh dengan janji-janji demokrasi untuk menjatuhkan kerajaan, tidak sama sekali, walaupun Ikhwan sendiri menghadapi tekanan yang amat dahsyat sehingga hari ini....

اللهم فرج كرب المسلمين، وأفرج عن إخواننا المعتقلين، وانصر
المظلومين واكفهم شر المعتدين

Saudara-saudari/ikhwah akhawat sidang hadirin sekalian,

Dari persada antarabangsa, kita kembali ke negara kita meninjau keadaan kita. Mari kita bertanya kepada diri kita, adakah demokrasi, liberalisasi, hak asasi yang dibawa kepada kita, didokong oleh sebahagian kita dan diamalkan oleh negara kita telah membawa kebaikan kepada kita? Atau ia telah menyusahkan kita, menyebabkan kita terpaksa berjuang di negara sendiri, meleburkan keperibadian kita dan akhirnya menyebabkan kita berpecah belah. Kini kita menjadi begitu lemah dan terdedah kepada ancaman musuh?

Cerita-cerita yang panjang tadi seumpama *ibrah*/pengajaran bagi orang-orang yang berakal dan memiliki mata hati. Ia berlaku kepada saudara kita dalam suasana yang tidak jauh seperti kita dan dalam persekitaran sama dengan persekitaran kita.

Firman Allah:

فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ ﴿٢٠٠﴾

"...Maka ambillah pengajaran wahai mereka yang mempunyai penglihatan". (*al-Hasyr: 2*)

Secara teori saya tidak menolak demokrasi sebagai hasil ilmu yang baik dicapai oleh akal manusia, saya tidak menolak praktis demokrasi yang memberi ruang penyertaan positif masyarakat dalam menentukan dasar negara dan saya tidak menolak demokrasi sebagai cara selamat untuk penggiliran kuasa tetapi saya menolak *hegemoni* Amerika atas nama kempen demokrasi yang palsu yang sedang kita hadapi pada hari ini. Demokrasi pada hari ini adalah senjata yang tajam terhunus. "Matanya di sini tapi hulunya di tangan mereka". Sesiapa yang bermain dengannya pasti akan terluka.

Kita harus memahami dengan jelas apa bahaya kempen demokrasi kepada kita umat Islam dalam konteks dunia dan juga tempatan. Kita harus sedar bahawa demokrasi adalah;

1. Agenda Zionis seperti didakwa oleh Hitler.
2. Ia merupakan kesinambungan kepada Perang Salib yang menasaskan umat Islam.
3. Kempen demokrasi akan meleburkan identiti keIslaman kita sehingga lahirnya liberalisasi dan pluralisasi.
4. Kempen demokrasi meletakkan kita dalam perlumbaan terbuka yang tidak adil.
5. Kempen demokrasi boleh menyebabkan campurtangan asing dalam negara.
6. Kempen demokrasi meletakkan umat Islam dagang dalam negeri sendiri.

Merujuk kepada struktur kontrak sosial yang rapuh dalam konteks negara yang berbilang bangsa, etnik dan agama, meneruskan “agenda demokrasi” dalam konteks tekanan sistem globalisasi *unilateral* yang semakin mencengkam akan mengundang padah kepada umat Islam di negara ini walaupun mereka merupakan penduduk asal mewakili majoriti terbesar 52 % bilangan penduduk.

Semangat kebangsaan, sedikit kesedaran Islam dan semangat ketimuran yang masih ada telah menyebabkan demokrasi Barat tidak ditelan sepenuhnya oleh pemimpin umat Islam. Demokrasi dipimpin dan dasar hak keistimewaan adalah manifestasi kepada penolakan berhati-hati dan penerimaan bertapis yang diamalkan oleh pemerintah hari ini. Dalam pada itu kita terjebak pula dengan salah gunakuasa yang mengekang kebebasan yang membunuh pemikiran kritis, pengembangan agama dan *intima`* islami yang positif.

Walaubagaimanapun jelas sekali pada hari ini setelah berlalunya masa dan berlaku perubahan paksi pada kuasa dunia, globalisasi semakin matang. Dasar itu (dasar demokrasi dipimpin) tidak lagi boleh menjadi jampi yang memberi kekebalan kepada umat Islam khususnya bangsa Melayu. Dulu mereka (Barat) boleh menerima anutan separa-demokrasi sebagai bukti *intima`* tetapi sistem global menuntut *indimaj* yang lebih menyeluruh.

Walaupun musuh sudah di sempadan, benteng pertahanan sedang digugah musuh, namun masih amat sukar memahami umat kita tentang bahaya yang sedang menanti mereka. **Tidakkah perkara seperti di Bosnia boleh berlaku di negara kita. Tidakkah peristiwa 13 Mei tidak jauh daripada kita? Dalam persekitaran dunia yang kacau bilau seperti hari ini tidakkah kita juga berhak merasa terancam? Adakah mereka merasa campurtangan luar atas nama demokrasi dan hak asasi jauh dari mereka? Adakah mereka tidak dapat merasa bahawa struktur kontrak sosial yang rapuh akan meledakkan krisis pada bila-bila masa?**

Atau,

Adakah setelah kedaulatan mereka dicabuli, kehidupan peribadi mereka dirampas, isteri mereka diperkosa, rumah mereka dirampas dan mereka diusir keluar dari kampung halaman sendiri seperti yang berlaku di Palestin, di Iraq, dan di tempat-tempat lain sebelumnya mereka baru sedar? Waktu itu apa manfaatnya rumah besar, perniagaan besar, dan jawatan besar yang melalaikan

mereka hari ini?... Saya tidak bertujuan menakut-nakutkan, tetapi ambil pelajaran sebelum bencana menimpa. Perbezaan orang yang bijak dengan yang dungu ialah orang cerdik menjangka fitnah sebelum ia berlaku, sedang orang yang dungu memahami fitnah setelah ia berlaku.

Mari kita bertanya pada diri kita:

1. Isu *survival* dan masa depan umat Islam sudah sampai ke mana? Adakah demokrasi dan liberalisasi membawa kebaikan kepada kita dan telah menjadikan kedudukan kita lebih baik?

Nampaknya tidak, sama ada golongan nasionalis atau Islamis semua bersetuju bahawa demokrasi dan liberalisasi yang dipromosikan oleh Barat tidak akan memajukan kita dan memartabatkan bangsa kita. Bahkan kita semua sepakat bahawa kebimbangan yang kita laungkan adalah datang dari sumber itu. Tapi kita takut untuk berfikir di luar kotak.

2. Adakah kemajuan negara yang kita banggakan telah meletakkan kita di barisan hadapan memimpin dan menguasai atau ketinggalan dalam mengejar objektif yang bergerak?

Sebaliknya saki baki warisan yang masih tinggal sedang dicabar hebat walaupun pucuk pimpinan berada di tangan orang kita. Di manakah isu Islam... ke mana ia akan diperdagangkan?

Kewajipan Memelihara *Hauzah (Hegemoni) al-Muslimin*

Saudara/i , tuan-puan sidang hadirin sekalian,

Hujah-hujah yang kita kemukakan menunjukkan *indimaj* dalam sistem antarabangsa dan tunduk kepada kehendak kuasa besar telah memudharatkan kedudukan muslimin. Telah jelas bahawa demokrasi yang dimomokkan adalah merupakan tipu muslihat dalam perang antara tamadun. Tujuan akhir ialah supaya umat Islam lebur identiti dan bernaung di bawah *hauzah (hegemoni) kuffar ZIONIS + Kristian*.

Allah berfirman:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِأَهْدَىٰ وَدِينٍ أَحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ

الْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

Dialah yang mengutuskan Rasul-Nya (Muhammad) dengan petunjuk dan Din yang benar untuk mengatasi segala agama lain, walaupun dibenci oleh orang-orang musyrikin. (as-Saff: 9)

Firmannya lagi:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

Allah tidak akan menjadikan jalan bagi orang kafir untuk mengatasi orang yang beriman. (an-Nisa` : 141)

Ayat-ayat ini memberi petunjuk bahawa pengutusan Rasul adalah untuk menegakkan *hegemoni* agama Islam atas segala agama. Dan tidak harus berlaku di mana Islam berada di bawah telunjuk kuasa lain di mana kehormatan muslimin dirobek oleh musuh dan *maharim* Allah diperkosa:

الإِسْلَامُ يَعْלוُ وَلَا يُعَلَى

Islam yang tinggi tiada yang boleh mengatasinya. (Riwayat at-Thobaroni, ad-Daraquthni dan al-Baihaqi)

Maka yang menjadi kewajiban muslim berdasar *maqasid syariah* dalam masalah *iqamatuddin* (menegakkan agama) ialah memperkasakan kuasa dan pengaruh muslimin sehingga mereka memiliki *syaukah* yang tidak boleh digugat untuk mendaulatkan Islam, menjaga kehormatan muslimin, memelihara kemerdekaan tanah air dan menyebarkan dakwah Islam dengan hujah dan pedang.

Oleh itu membebaskan diri dari cengkaman siasah antarabangsa dan berusaha menegakkan semula *hauzah* muslimin yang membolehkan mereka menjaga maruah, mempertahankan kehormatan, melaksanakan dengan merdeka segala yang diperintahkan oleh Tuhan adalah satu kesedaran *siasi* yang perlu dibina dalam minda dan pemikiran setiap muslimin.

Kita bersyukur kepada Allah kerana pemerintahan negara kita masih dipimpin oleh orang Islam dan perlembagaan yang sedikit sebanyak masih mengiktiraf keistimewaan kita orang Islam. Namun kita masih perlu banyak berusaha (bukan dalam kerangka demokrasi) kerana kerangka sistem demokrasi yang ada tidak mengizinkan untuk umat Islam memiliki pengaruh dan kuasa yang membolehkan ia sepenuhnya memelihara *hauzah al-muslimin* dan kehormatan mereka.

Justeru ISMA menyeru umat Islam seluruhnya, parti politik, NGO, ulama, cendekiawan serta seluruh anggota masyarakat untuk menyedari akan kewajiban ini dan mengambil langkah wajar ke arah memperkasa pengaruh dan penguasaan muslimin, tanpa terpengaruh atau terikut dengan rentak dan gaya yang ditentukan oleh musuh yang ingin kita lemah dan bermusuhan sesama sendiri. Untuk mencapai tujuan ini dan supaya ia menjadi satu gagasan yang praktikal saya mencadangkan langkah-langkah berikut:

Pertama: Kesatuan dan Perpaduan

ISMA menyeru semua pihak agar berusaha secara bersungguh-sungguh ke arah mengukuhkan perpaduan di kalangan umat Islam, dengan cara menyatukan kefahaman mereka terhadap Islam dan memperkukuhkan ikatan persaudaraan Islam sesama mereka.

Masyarakat kita hari ini berpecah disebabkan fahaman mereka terhadap Islam berbeza-beza, dipengaruhi oleh berbagai ideologi di samping terjebak dengan berbagai jenis ajaran sesat dan bid'ah. Ini adalah faktor terbesar kepada kelemahan umat Islam dan kini ia sudah mencapai tahap ancaman apabila wujud sebahagian yang berani keluar agama dan menyebarkan kemurtadan, menganut fahaman liberalisma, pluralisma dan sebagainya.

Jika sudah wujud di kalangan umat Islam yang berani menyebarkan perkara tersebut dalam masyarakat Islam, ia bukan lagi persoalan kebebasan tetapi sudah menjadi persoalan keselamatan. Begitu juga dengan isu syiah yang semakin hari semakin berpengaruh, bila wujud di kalangan orang Melayu yang mengamalkan fahaman syiah dan menyebarkannya di kalangan masyarakat kita Ahli Sunnah wa al-Jamaah, bagi kita ia sudah merupakan satu ancaman.

Oleh itu sangat penting bagi kita orang Islam untuk memiliki satu kefahaman yang sama terhadap Islam.

Imam al-Banna rahimahullah telah memulakan usaha ini. Menyedari kepentingan kefahaman Islam yang betul dalam usaha ke arah menegakkan pengaruh dan kekuasaan Islam, beliau menyeru umat Islam supaya kembali kepada Islam yang mudah dan simpel seperti yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w., mengambil pandangan sederhana dan pertengahan daripada ijthad-ijthad ulama dan berpegang kepada *usul* tanpa tenggelam dengan perbalahan masalah *furu'*.

Untuk itu beliau mengarang usul dua puluh sebagai asas pemikiran yang menghimpun bukan memecahkan.

Kedua: Mencapai Kata Sepakat Dalam Masalah Kepentingan Umat.

Hari ini ancaman umat Islam bukan sahaja ketamakan orang bukan Islam untuk mengambil alih kedudukan atau campurtangan asing yang ingin mengambil kesempatan memaksakan kehendak dan memperoleh kepentingan mereka, tetapi juga di kalangan golongan umat Islam yang secara sedar atau tidak, sanggup menjual kepentingan bangsa dan umat untuk kepentingan politik semata-mata. Maka oleh itu ISMA menyeru semua pihak khususnya parti-parti politik Melayu-Islam bersama NGO untuk duduk semeja berbincang tentang kepentingan umat, batas-batas yang tidak boleh dilanggar dan menentukan pandangan terhadap tasawwur kesudahan masa depan. Keperluan kepada perbincangan ini bukan atas desakan politik persaingan di mana pihak yang kuat tidak rasa perlu dan pihak lemah rasa tak ada taruhan untuk berunding dan berbincang. Taruhan di sini ialah kepentingan umat. Kita tidak perlu kepada *hujjah burhan* untuk mengakui kekuatan umat kian hari dimamah oleh politik perebutan kuasa yang tidak terpandu oleh nilai dan kepentingan umat.

Ketiga: Menghidupkan Syura Dan Memperkasakan Dailog

Syura adalah mekanisma terbaik untuk mencapai keputusan yang memihak kepada kepentingan umat yang menyeluruh. Syura tidak didorong oleh perasaan ingin menang hujah atau keinginan mempengaruhi pandangan umum untuk kepentingan politik sempit tetapi kaedah untuk mencari kebenaran dan mencapai kata sepakat dalam perkara yang menjadi kepentingan umat.

Saya berpandangan satu usaha perlu dilakukan oleh semua kumpulan Islam sama ada parti politik atau NGO-NGO ke arah mewujudkan satu mekanisma syura yang dihormati oleh semua pihak. ISMA tidak teragak-agak menyokong sebarang usaha ke arah menjayakan idea ini. Tidak kira apa namanya asalkan intinya ialah mewujudkan wacana perbincangan di mana soal-soal yang berkaitan kepentingan umat boleh dihurai dan diperbincangkan secara telus, objektif dan jauh dari sentimen politik kepartian yang sempit.

Di samping itu ISMA menyeru supaya budaya dailog secara rasional, *gentleman* dan berkonsepkan kekuatan hujah disuburkan. Forum-forum yang melibatkan ahli akademik, ulama, ahli profesional dan ahli politik dibuat dengan cara terbuka dan telus. Saya menyeru parti-parti politik khususnya, supaya meninggalkan budaya kutuk mengutuk yang tidak bermoral dan banyak sekali tidak objektif. Semua pihak perlu memimpin masyarakat kepada kesedaran politik yang sebenar bukan politik picisan.

Apa yang kita harapkan akhirnya umat Islam menjadi kuat dan *hauzah al-muslimin* terjaga, bukan menyalahkan mana-mana pihak demi menonjol kelebihan diri. Tidak ada kelebihan bagi ISMA kecuali ingin melihat umat Islam menjadi kuat dan maruah mereka terbela.

Cabaran Berfikir Di Luar Kotak

Memahami tanggungjawab sebenar berdasarkan tuntutan *maqasid syariah* dalam masalah *iqamatuddin* memaksa kita untuk merubah corak pemikiran kita. Kita tidak boleh lagi berfikir secara *stereotype* dan menari mengikut rentak yang menyebabkan kita berputar pada pusingan yang sama. Pada zahirnya nampak rancak berdakwah, berpolitik, berdemonstrasi dan berdialog namun pada hakikatnya keadaan umat Islam semakin lemah dan terancam. Kita menghurai dan menilai kejayaan dan kemajuan berdasarkan petunjuk-petunjuk palsu sedangkan pada hakikatnya projek kita tertinggal jauh kebelakang.

Berfikir Islam dalam kotak demokrasi adalah satu yang songsang, kerana demokrasi sifatnya sekular yang membawa nilai liberal. Ia secara keseluruhan tidak ada beza sama ada dilaksanakan di Amerika atau di Malaysia. Nilai yang akan menguasai adalah nilai liberal yang berpaksikan kebebasan individu. Walaupun kita buat pertahanan-pertahanan tertentu, namun peleburan nilai Islam dan iltizam akhlak dalam sistem demokrasi liberal adalah satu yang tidak boleh dihalang. Jadi bagaimana kita boleh berfikir untuk menegakkan Islam jika kita berfikir dalam kotak yang didominasi dengan nilai demokrasi.

Berani berfikir di luar kotak? Tentu keadaan boleh berlainan jika kita berani berbuat demikian atau dengan kata lain berfikir demokrasi dalam kotak yang didominasi oleh nilai Islam. Bila umat Islam faham dan **meletakkan *hauzah al-muslimin* sebagai matlamat tertinggi**, maka demokrasi menjadi satu mekanisma syura yang cantik dan sebagai medan kita berbincang mengenai kepentingan muslimin. Namun selama mana pemikiran kita masih terjajah dan kita berfikir dalam kotak yang sempit, maka demokrasi akan menjadi medan kita bertarung untuk merebut kuasa semata-mata, nilai Barat akan menguasai dan masalah muslimin akan terkorban.

Masalah kita ialah masalah pemikiran yang terperangkap dalam kepompong demokrasi Barat. Kita bertarung berjuang sesama sendiri, bergaduh, bergolok bergadai, setiap kumpulan dengan ideologi masing-masing, dengan sepanduk dan slogan yang berbagai, namun akhirnya yang menang ialah sistem demokrasi. Cabarannya yang paling besar ialah sejauh mana kita mampu berfikir mencari penyelesaian kepada masalah umat melalui kotak pemikiran yang berlainan?

Cuba bayangkan jika parti politik Melayu Islam dan NGO-NGO mereka, berfikir berdasarkan kotak pemikiran Islam dalam lingkungan memperkasakan *hauzah al-muslimin*, kita akan dapati jalan singkat untuk sampai kepada suasana di mana *syaukah al muslimin* dan nilai Islam yang *al-Ghalibah*

(dominan). Dan dengan itu kita telah menghampiri matlamat perjuangan kita. Jadi marilah kita merubah corak pemikiran dan berfikir di luar kotak.

Sudah banyak kali saya tegaskan bahawa, menari mengikut rentak yang dimainkan oleh musuh tidak akan membawa kita ke mana-mana. Sebaliknya kita telah saksikan fenomena yang amat melucukan dalam tempoh perjuangan umat yang lalu, seperti cerita yang pernah kita baca pada zaman kanak-kanak dulu, kisah anjing kejar kucing, kucing kejar ayam, ayam terbang, atau seperti permainan enjit-enjit semut siapa sakit naik atas atau seperti si Luncai terjun dengan labu-labunya.

Pendakwah Islam pula kadang kala bertukar menjadi pejuang demokrasi lalu ungkapan, ibarat menjadi bercampur baur antara hak dan batil dan kebenaran hilang di persimpangan. Justeru kita harus keluar dari kotak pemikiran biasa, bersifat kritis dan melakar semula peta siasi mengikut *maqasid syariah* dalam masalah *iqamatuddin* dan siasah urusan muslimin.

Mengubah Rentak Dan Melakar Semula Peta Siasi

Keupayaan kita untuk berfikir di luar kotak adalah satu keberanian, keinsafan dan tanggungjawab. Bercakap tentang melakar semula peta *siasi* juga mungkin suatu unjuran jauh yang menggayatkan.

Namun oleh kerana matlamat *siasi* kita ialah menegak, memelihara, atau mempertahankan *hauzah al-muslimin* dan kesatuan mereka maka melakar semula peta *siasi* adalah satu tuntutan agama yang perlu dirasionalisasikan. Kita tidak boleh mendakwa bahawa kita ada *manhaj* tersendiri dan yakin dengan cara perubahan kita kemudian sampai separuh jalan menyerah kalah dan melencong dari landasan dan mengambil jalan mudah bergabung dengan mana-mana aliran yang ada?

Keberanian kita untuk mengengahkan cadangan mengenai “melakar semula peta *siasi*” menunjukkan konsisten kita dan kejelasan kita tentang kesudahan perjalanan dakwah kita ini. Mungkin bagi sesetengah orang ia seperti khayalan dan terlalu jauh namun pada pandangan saya ia tidak mengurangkan peratusan kebenarannya dalam tasawwur kita. **Melakar semula peta *siasi* berasaskan kepada keupayaan kita untuk menerapkan dalam kefahaman dan kepercayaan masyarakat bahawa autoriti adalah daripada Allah melalui *syura muslimin* bukan daripada keputusan demokrasi ala barat.**

Kefahaman tersebut akan menyingkap lakaran peta *siasi* yang berbeza dan gambaran rentak yang berlainan dari rentak yang sedia ada dalam pemikiran mereka; *siasah dakwiyah tarbawiyah* dengan siasah tipu muslihat ala-barat. Tentang bagaimana dan bila perubahan mandat itu berlaku, jawapannya ialah bila umat memahami dan memilih Islam sebagai sistem hidup dan bila umat Islam memiliki *syaukah* yang menjadikan ia mampu mempertahankan pilihannya berdepan dengan ancaman Barat.

1. Kesedaran Politik Yang Benar (Wa'yu Siasi)

Kesedaran politik bukanlah bermaksud kepandaian menggunakan taktik atau muslihat untuk menjatuhkan kumpulan lawan. Ia juga bukan kemahiran dalam merangka strategi untuk merebut peluang mendapat kuasa. Permainan kotor mengejar janji demokrasi...kuasa dan perubahan... pada hal ia hanyalah satu tipu daya dan kepalsuan.

Kesedaran politik yang sebenarnya ialah kepekaan seseorang terhadap permasalahan yang dihadapi oleh umat. Kepekaan terhadap cabaran survival dan ancaman masa depan. Kepekaan yang melahirkan rasa tanggungjawab untuk melakukan usaha penyelamat. Saya telah sebutkan dalam perenggan-perenggan permasalahan umat dalam konteks global dan juga lokal.

Kesedaran ini yang diperlukan dalam konteks melakar semula peta *siasi*. Oleh itu kerja kita yang utama ialah mendidik masyarakat dengan kesedaran politik yang sebenarnya. Kita harus memahamkan mereka dengan kewajiban membina semula *syaukah* yang dapat mempertahankan *hauzah al-muslimin*. Melakukan segala sebab yang boleh mengembalikan kegemilangan yang telah hilang itu.

Seorang yang mempunyai kesedaran *siasi* yang benar akan memiliki:

1. Kejelasan visi dan misi dalam usaha pembangunan umat.
2. Beriman dengan kerja *bermarhalah* dan mengikut tertib amal yang jelas.
3. Beriman dengan kelebihan kerja-kerja untuk manfaat umum.

2. Keutamaan Dalam Amal (*Amal Qawi*)

Banyak kerja yang perlu kita lakukan. Dorongan-dorongan harian sering menguasai tumpuan amal seseorang. Kadang kala kita dihambat dengan permintaan ceramah yang banyak, maka hari-hari kita disibukkan dengan menyusun jadual ceramah. Kadang-kadang kita terpenggugil dengan tanggungjawab sosial, khidmat masyarakat, ada orang sakit, ada orang perlukan bantuan, kadang-kadang terdesak dengan keperluan rumah, maka kita sibuk dengan kerja-kerja rumah dan sebagainya lagi, semuanya itu adalah amal soleh dan baik tetapi sejauh mana amal-amal itu membawa kepada mencapai matlamat *iqamatuddin*?

Oleh itu, amat penting sekali setiap kita memahami konsep *amal qawi* dan *amal dho'if* ini supaya tumpuan kita tidak berpecah mengikut minat peribadi, pandangan tersendiri, rentak *siasi* atau dorongan keperluan harian. *Amal qawi* ialah kerja yang kita perlu berikan tumpuan penuh kerana ia merupakan tulang belakang kepada kejayaan perancangan kita. Amal yang menjadi prioriti dan menjadi asas *tarjih* antara amal-amal yang banyak. Jadi amal yang nisbah membawa kejayaan perancangan yang lebih tinggi dan lebih langsung kita namakan *amal qawi*.

a. Mentarbiah Umat

Setelah memahami kepincangan menyeluruh yang dihadapi oleh umat Islam dan besarnya cabaran yang dihadapi dari luar dan dalam negara maka jelas kepada kita bahawa mengharap projek perubahan Islam untuk dipikul dan dijayakan oleh masyarakat kebanyakan adalah anggapan yang salah.

Projek Islam perlukan manusia yang memiliki ciri tertentu sahaja yang boleh diharap. Oleh itu perancangan Islam hendaklah menjurus kepada usaha mentarbiah masyarakat dan memilih daripada kalangan mereka individu-individu yang memiliki kehendak yang tinggi, cintakan Islam, kesetiaan yang tidak berbelah bagi dan bersedia berkorban untuk kepentingan umum, sebagai kerja utama untuk satu tempoh tertentu. Itu kerja utama dan *amal qawi* yang

kita maksudkan. Ia harus menjadi tumpuan yang tidak boleh dilalaikan dengan kerja lain, walaupun mungkin akan memakan masa yang agak lama.

Sebelum wujud generasi yang dimaksudkan tadi *khutbah Islamiyyah* pasti akan menemui kegagalan, kerana ia dengan itu tidak memiliki asas berpijak yang kuat. Bagaimana kita boleh harapkan kejayaan jika ianya disandarkan kepada orang-orang yang lemah, tidak setia, tidak bersedia berkorban dan sanggup menjual prinsip. Inilah faktor sebenar kepada kegagalan yang dihadapi oleh apa-apa perancangan pengislahan, seperti wujudnya ketirisan dan meng'ali-baba'kan projek dan sebagainya.

b. Tsaqafah al-Muqawamah (Penentangan)

Kerja-kerja mentarbiah umat yang telah melalui fasa-fasa penjinakan yang panjang dan selesa dengan budaya menyerah, tidak mahu berfikir susah-susah, buat mudah-mudah, asalkan bahagia dan sebagainya tidak mungkin akan bangkit menyokong atau menjadi benteng kepada perancangan Islam jika mereka terus dengan gaya hidup yang sedia ada.

Oleh itu perancangan mentarbiah dan membentuk umat yang kuat dan berwawasan, setia dan sanggup berkorban perlu disokong oleh satu gagasan membentuk *public opinion* yang dimuatkan dengan *tsaqafah al-muqawamah* atau budaya menentang dan daya fikir kritis yang akan memberi kekuatan kepada mereka untuk menolak sebarang bentuk penjajahan, penghinaan dan perancangan penjinakan. *Tsaqafah al-muqawamah* ini juga akan menjadi antibodi yang akan melawan propaganda media Barat yang cuba mencabut *ghirah* dari jiwa muslim terhadap *maharim* Allah dan menanam jiwa hina dalam diri muslim.

Manusia yang jinak dengan budaya ikut-ikutan juga tidak mungkin akan menyahut seruan berfikir di luar kotak dan tidak akan bersedia untuk mengikut langkah dan memikul beban tanggungjawab "melakar semula peta *siasi*".

3. Penyertaan Yang Positif

Pegangan kita terhadap konsep *amal qawi* dan kesibukan kita dengan kerja-kerja menyiapkan fasa persediaan menampak ISMA seolah-olah tidak prihatin terhadap isu-isu semasa. Ini menyebabkan masyarakat dan juga sesetengah ahli bertanya kenapa ISMA kelihatan terperuk? Sebenarnya tidak, ISMA sangat prihatin dengan isu semasa dan terlibat dalam sesetengah isu, cuma mungkin kita tidak begitu ke depan berbanding badan lain kerana saiz kita yang masih kecil.

Itu yang pertama, kedua; akhir-akhir ini kelihatan bibit-bibit usaha ke arah mencari titik kesatuan umat. Ini sangat relevan dengan pandangan kita tentang konsep melakar semula peta *siasi*. ISMA menyokong penuh usaha-usaha tersebut tidak kira dari pihak mana datangnya. Insya Allah jika diizinkan Tuhan pada tahun ini kita akan dapat melihat penglibatan yang lebih baik dari pihak ISMA. Pendirian kita ialah memupuk segala usaha yang dilakukan untuk kepentingan umat Islam dan mendorong kerjasama dalam perkara-perkara yang boleh dilakukan bersama.

Ahli tidak perlu bimbang kita kehilangan fokus kerana saranan ini dibuat setelah mengkaji kemampuan dan membuat persiapan yang sewajarnya, Alhamdulillah.

Aksi 2007

Untuk ahli-ahli ISMA

Ucapan dasar tahun ini tidak berhasrat untuk mengulangi cerita tentang konsep dan latarbelakang pembinaan strategi jangka pendek 2006-2010. Binaan strategi yang ada untuk *marhalah* ini telah hampir lengkap dan sempurna. Kini kita masuk tahun kedua perlaksanaan. Saya percaya ahli-ahli dan kepimpinan ISMA di hampir seluruh kawasan telah melangkah setengah perjalanan ke arah perlaksanaan yang lebih berkesan. (Sebab itu saya namakan tajuk perenggan ini dengan perkataan aksi).

Oleh itu saya akan terus menumpukan perhatian kepada aspek mekanisma perlaksanaan dan strukturnya. Satu aspek yang akan menjadi budaya kerja kita dan akan menentukan kejayaan perancangan kita. Perancangan tanpa mekanisma yang baik dan sesuai tidak akan menghasilkan apa-apa. Satu aspek yang akan kita tekankan dalam perlaksanaan tersebut juga ialah aspek *muassasiah* (keinstitusian). Bagi memudahkan perlaksanaan dan penguasaan ahli, kita telah membahagikan rancangan ISMA kepada lima projek;

1. Projek Generasi Muda (PGM)
2. Projek Generasi Wawasan (PGW)
3. Projek Pengukuhan Organisasi
4. Projek Pembinaan Imej
5. Projek Pembangunan Wanita

Ini bagi memastikan gerak kerja kita menjurus dan kita semua tahu peranan yang harus dimainkan secara terperinci. Projek-projek ini perlu dilihat secara bersepadu di mana setiap satu projek menyempurnakan projek yang lain.

Bidang-Bidang Penglibatan Umum

1. Bidang Dakwah Dan Isu Semasa

Seperti yang diperkatakan dalam perenggan-perenggan yang lalu, setelah mendengar pandangan-pandangan ahli, saya berpendapat bahawa pada tahun ini ISMA harus terlibat pada kadar tertentu dalam isu-isu semasa, seperti isu murtad, isu IFC, Sique, isu liberalisme-pluralisme bahkan penglibatan yang lebih aktif dalam isu pengguna Islam dan pertubuhan guaman.

2. Gerakan Belia Dan Remaja

Bidang dakwah belia adalah satu bidang yang kritikal dalam strategi ISMA. Oleh itu saya mencadangkan penglibatan yang lebih bersungguh dalam bidang tersebut. Ini menuntut kita mendorong golongan belia terjun ke tengah masyarakat memainkan peranan memimpin belia negara kepada matlamat Islam. Di samping perluasan medan dakwah belia, ia juga bertujuan mengasah karismatik dan membentuk kepimpinan masa depan yang faham permasalahan generasinya.

3. Ekonomi

Ekonomi adalah *humum* umat seluruhnya. Penglibatan ekonomi adalah suatu yang masih dianggap mencabar. Ia juga memerlukan kemampuan dan

kesediaan yang jarang ada pada kebanyakan kita. Ia bukan sahaja untuk tujuan ekonomi tapi juga merupakan sebahagian cara memecah kebuntuan budaya dan proses pematangan pembinaan ahli dalam konteks projek perubahan ISMA. ISMA dengan penuh sedar dan sengaja menyokong apa sahaja usaha yang boleh menggalak dan mendorong ahli untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi. Untuk itu saya mencadangkan ISMA pada tahun ini mula berfikir membentuk institusi-institusi ekonomi permulaan sebagai pencetus idea yang akan mendokong usaha ke arah penglibatan ekonomi yang lebih baik pada masa akan datang.

4. Keusahawanan

Keusahawanan juga bukan bidang berasingan. Ia merupakan sebahagian dari kerangka pemikiran Islah kita atau lebih tepat antara ciri peribadi muslim yang kita kehendaki. Persoalan kelemahan bangsa dari segi keusahawanan menjadi sebahagian dari keprihatinan kita. Kita mengukur kejayaan tarbiah kita daripada sejauh mana wujud sifat keusahawanan dalam diri mereka. Kejayaan mereka untuk menjadi usahawan akan menyumbang kepada menyempurnakan pakej penyelesaian kita yang menyeluruh. Dalam kita perkatakan tentang iman, ukhuwwah, kita juga melihat keusahawanan satu ukuran kejayaan.

5. Kebudayaan

Penekanan berlebihan kepada pembangunan kebendaan telah menjadikan kita bangsa yang hilang nilai budaya dan kesopanan. Kita menjadi manusia yang 'kering' dalam bermuamalat, bertindak dan bercakap dengan bahasa kasar. Tidak ada lagi adab, tidak ada lagi budi bahasa. Padahal manusia bukanlah robot... manusia adalah lembaga yang hidup di mana sebahagian dari komponennya ialah akal, perasaan dan seni budaya. Mengabaikan aspek seni budaya bermakna mematikan satu aspek daripada keperluan naluri manusia. Kekeringan naluri ini menyebabkan muamalah menjadi gersang dan kehidupan individu akan dilingkungi oleh kebimbangan, kegusaran dan keluh kesah. ISMA dalam *adabiyatnya* harus menekankan soal-soal budi bahasa, akhlak dan kesopanan.

6. Kebajikan

Terlibat dengan isu kebajikan adalah ukuran kepada keprihatinan kita terhadap masalah umat. Akhir-akhir ini sangat banyak musibah yang menimpa. Kita tidak mampu terlibat dengan aktif kerana kapasiti kita yang sangat sederhana. Sesuai dengan perkembangan yang ada, saya mencadangkan ISMA mula meletakkan asas penglibatan lebih kukuh pada tahun ini. Pada tahun-tahun yang lepas kita terlibat dalam isu kebajikan khususnya di peringkat antarabangsa, seperti isu Palestin dan Isu Aceh. Tahun ini kita terpanggil untuk menangani isu umat Islam di Iraq pula. Tahun ini juga sepatutnya kita memberi tumpuan lebih lagi dari tahun lepas khususnya dalam menangani isu dalam negeri. Justeru saya mencadangkan agar langkah praktikal diambil ke arah itu.

Saya fikir ISMA tidak perlu terlibat lagi dalam isu pendidikan kecuali menjaga yang sedia ada. Walaupun begitu ISMA masih mempertimbangkan jika ada keperluan dan kemunasabahan untuk terlibat dalam pendidikan pra sekolah.

Agensi Perlaksana

Kejayaan strategi dan projek-projeknya diletak langsung di bawah tanggungjawab kumpulan Jawatan Kuasa Pusat (JKP) maka, tugas ahli-ahli JKP yang utama ialah menunjuk jalan dan mengawal strategi supaya ia menjurus kepada matlamat yang disasarkan. Di samping itu menggalakkan ahli-ahli berkerja dalam bentuk *muassasi* bagi melatih kepemimpinan mereka dan berkerja untuk satu perancangan yang berterusan. JKP akan memastikan kejayaan setiap projek tersebut. Bagi meningkatkan *muassasiah* dan keberkesanan amal saya mencadangkan ianya akan dilaksanakan dalam empat bentuk mekanisma:

1. Melalui *Lajnah Fanniyyah*
2. Melalui Biro
3. Melalui Agensi Tersendiri
4. Melalui Pentadbiran Negeri dan Kawasan

Lajnah Fanniyyah

Lajnah Fanniyyah berfungsi untuk membentuk rangka konsep, kaedah-kaedah perlaksanaan dan memberi latihan teknikal kepada satu program jika diperlukan. Di samping itu, ia juga memberi nasihat kepada Presiden dalam perkara teknikal dan ilmu. Antara bidang yang dikendalikan di bawah *Lajnah Fanniyyah* ialah strategi, HRD, isu semasa dan isu luar negara.

Biro-Biro

Kepentingan biro-biro dikurangkan kecuali Biro Wanita dan Penerbitan yang masih kekal. Ini bertujuan mengangkat sebahagian tugas pengurusan dari JKP dan memberi peluang kepada mereka memainkan peranan kepemimpinan dengan lebih berkesan dan memikirkan isu-isu umat yang lebih mencabar. Selain dari itu projek-projek akan dilaksanakan melalui agensi-agensi.

Agensi-agensi

Antara agensi yang difikirkan akan ditubuhkan ialah;

1. Yayasan Kebajikan untuk kebajikan
2. Pertubuhan Belia untuk belia
3. Kelab Remaja ISMA (KRIM) untuk remaja
4. Pusat Latihan ISMA Entrepreneurship Program (IEP) untuk mengasah sikap keusahawanan
5. Koperasi untuk ekonomi

Kita berharap melalui agensi-agensi ini kita akan dapat menterjemah keprihatinan kita dalam menyelesaikan permasalahan umat. Di peringkat ini cukup bagi kita jika model-model yang kita ketengahkan itu berjaya dan diterima oleh masyarakat. Melalui agensi-agensi ini juga kita harap dapat mendekati masyarakat dari setiap golongan secara yang strategik sesuai dengan kemampuan yang ada.

Penutup

Sebagaimana yang saya sebutkan, ucapan dasar pada tahun ini tidak banyak mengulas tentang perancangan strategi. Itu bukan bermakna ia tidak penting tetapi sebaliknya pada hemat saya ia sudah berada di peringkat pelaksanaan dan tidak perlu diperdebatkan lagi. Dan ia adalah tumpuan utama kita tanpa syak.

Ucapan dasar tahun ini juga mengajak ahli untuk berganjak sedikit ke depan pada kadar beberapa sentimeter berpadanan dengan tempoh pengembangan setahun. Ia juga melibatkan tuntutan perubahan paradigma dan cara bertindak yang sekaligus meletakkan ISMA pada posisi tertentu dalam konteks menggerakkan perubahan dalam masyarakat.

Suka saya jelaskan secara terus terang bahawa pemikiran perubahan kita bukan berteraskan konfrontasional dan tidak juga sebaliknya dalam erti kata mengiyakan apa sahaja. Ia bukan suatu yang mutlak dan statik. Fikrah kita yang bersifat *jami'* (mengumpul) dan kesepakatan umum dalam menghurai fenomena kelemahan umat membuka ruang kerjasama yang sangat luas dengan semua pihak. Ini kelebihan fikrah pengislahan yang kita bawa.

Ikhwah dan akhwat sekalian,

Besar harapan kita bahawa tahun-tahun ke depan ini akan membawa perubahan kepada umat Islam. Saya meletakkan pengharapan yang tinggi kepada ahli-ahli ISMA supaya berkerja kuat untuk melaksanakan strategi dan memastikan objektif-objektif tercapai. Kita tidak boleh lagi bersikap selamba dengan gaya hidup yang tidak terancang. Sebagaimana kata Abu Ammar perancangan bersifat *ad-hoc* (*bintu yaumiha*).

Akhirnya suka saya ingin mengingatkan bahawa cabaran kita masih lagi pada keupayaan kita untuk merubah gaya pemikiran, memecahkan *mental block* (kekangan mental) dan berfikir secara lateral dan kreatif. Saya tidak ragu tentang keikhlasan, kesungguhan dan kesediaan untuk berkorban, tetapi yang saya bimbang ialah keupayaan kita memecah tradisi berfikir yang dibentuk suasana yang mengongkong kreativiti dan bertindak di luar kebiasaan.

Sebelum menutup bicara marilah kita sama-sama meraikan berita baik di mana sebagaimana yang kita dengar bahawa R.O.S telah meluluskan permohonan kita untuk menubuhkan cawangan. Ini merupakan satu kejayaan dan kemajuan dalam konteks perkembangan ISMA. Alhamdulillah dan terima kasih pada semua:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا
سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ ذَلِكَ
مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَرَّعٍ أَخْرَجَ شَطْرَهُ فَفَازَرَهُ فَأَسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى

عَلَىٰ سُوقِهِ يَعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ ۗ وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, s.a.w dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki - dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar. (al-Fath: 29)

Sekian.

أقول قولي هذا وأستغفر الله العظيم لي ولكم ولسائر المسلمين
والمسلمات. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته